

<p>PENTING/ PENAFIAN</p> <p>INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT. PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM).</p>	<p>Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini dan Terma dan Syarat Am sebelum anda memohon dan memutuskan untuk melanggan produk ini.</p> <p style="text-align: center;">AL-AWFAR</p> <p style="text-align: center;">Tarikh: _____</p>
<p>1. Apakah maklumat berkaitan produk ini?</p>	
<p>Pengenalan Mengenai Produk</p>	<p>Produk Al-Awfar menawarkan peluang untuk memenangi cabutan hadiah di bawah kontrak Syariah Hibah. Setiap pelaburan mestilah akaun yang aktif untuk layak memenangi cabutan hadiah. Pihak Bank mempunyai hak untuk mengkaji semula kriteria yang telah ditetapkan, syarat-syarat kemasukan, syarat kelayakan, kekerapan cabutan hadiah dan selainnya dari semasa ke semasa. Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Al-Awfar dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pengumuman pemenang oleh pihak Bank.</p>
<p>Jenis-Jenis Akaun Pelaburan</p>	<p>“Akaun Pelaburan Tidak Terhad” merujuk kepada jenis akaun pelaburan di mana Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) memberikan mandat penuh kepada pihak Bank untuk membuat keputusan muktamad tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat-syarat tertentu.</p> <p>“Akaun Pelaburan” seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) bermaksud suatu akaun di mana wang dibayar dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi peruntukan kewangan, selaras dengan prinsip Syariah dengan terma yang nyata atau tersirat bahawa tiada obligasi/ tanggungjawab untuk membayar balik wang itu sepenuhnya dan:</p> <p>(a) sama ada hanya keuntungan, atau kedua-dua keuntungan atau kerugian, yang dikongsi di antara orang yang membayar wang dan orang yang menerima wang itu; atau</p> <p>(b) dengan atau tanpa apa-apa pulangan.</p> <p>Bagi tujuan Al-Awfar ini dan berdasarkan prinsip Mudarabah, IAH dan Bank akan berkongsi apa-apa keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti pelaburan yang diuruskan oleh Bank manakala kerugian kewangan akan ditanggung oleh IAH sahaja dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan salah laku, kecuaiian, atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh Bank.</p> <p>Al-Awfar juga menawarkan peluang untuk menerima hadiah wang tunai daripada Bank melalui cabutan hadiah bulanan, suku tahunan dan setiap setengah tahun.</p>
<p>Pihak-Pihak yang Terlibat dalam Aktiviti Pelaburan Serta Peranan dan Tanggungjawabnya</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak-pihak yang terlibat adalah IAH sebagai penyedia modal dan Bank bertindak sebagai usahawan. Bank sebagai usahawan akan bertanggungjawab untuk menguruskan modal yang disediakan oleh IAH terhadap aktiviti pelaburan. • IAH tidak akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pelaburan.
<p>2. Apakah konsep Syariah yang terlibat?</p>	
<p>Produk ini berdasarkan prinsip Mudarabah dan Hibah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mudarabah: Satu bentuk kontrak antara penyedia modal (Rabbul Mal) dan seorang usahawan (Mudarib) di mana Rabbul Mal menyediakan modal yang akan diuruskan oleh Mudarib dan apa-apa keuntungan yang dijana daripada modal tersebut akan dikongsi di antara Rabbul Mal dan Mudarib mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui bersama manakala kerugian kewangan akan ditanggung sepenuhnya oleh Rabbul Mal dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan salah laku, kecuaiian, atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh Mudarib. • Hibah: Pemindahan pemilikan aset dari seorang penderma (Wahib) kepada penerima (Mawhub Lahu) tanpa sebarang balasan. <p>Di bawah Al-Awfar, IAH bertindak sebagai penyedia modal (Rabbul Mal) yang akan diuruskan oleh Bank yang bertindak sebagai usahawan (Mudarib) dengan tujuan berkongsi keuntungan yang dijana daripada aktiviti pelaburan yang diuruskan oleh Bank.</p>	
<p>3. Produk ini sesuai untuk siapa?</p>	
<p>Pasaran Sasaran</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Individu (Pemastautin dan Bukan Pemastautin). • Bukan Individu (Perniagaan/ Entiti-Entiti lain).
<p>Jenis Akaun</p>	<p>Individu, Akaun Bersama, Akaun Amanah, Persatuan, Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan-Badan Agama, Masjid, Sekolah/ Universiti, Kelab dan apa-apa jenis akaun sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.</p>
<p>Risiko Prinsipal Pelaburan</p>	<p>Amaun pelaburan dan pulangannya tidak dijamin.</p>

Tempoh untuk Memegang Pelaburan	Tiada tarikh matang dan pengeluaran adalah fleksibel.																									
Had Pelaburan	Tiada had pelaburan.																									
4. Apakah jenis pelaburan yang terlibat?																										
Objektif Pelaburan, Strategi dan Polisi	Objektif	Melabur di dalam akaun pelaburan berisiko rendah bagi menggalakkan tabungan di samping berpeluang untuk memenangi hadiah melalui cabutan bulanan, suku tahunan dan setiap setengah tahun.																								
	Strategi	Aset kewangan runcit bercagar.																								
	Polisi	Bank Islam mematuhi dasar peraturan dan keperluan pihak berkuasa/ berkanun untuk menjalankan perniagaan perbankan di Malaysia.																								
Penilaian Risiko ke atas Prestasi Aset Pelaburan	Pengurusan portfolio aset kewangan runcit bercagar yang proaktif dan prestasi laporan portfolio pelaburan boleh dilihat melalui laman sesawang Bank Islam.																									
Amaun Pelaburan Permulaan Minimum	RM100.00																									
Tempoh Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada tempoh minimum atau maksimum yang ditetapkan. • IAH bebas untuk mengeluarkan dari atau menambah pelaburan dalam akaun Al-Awfar. Walau bagaimanapun, baki minimum sebanyak RM50.00 perlu dikekalkan dalam akaun. 																									
Nisbah Perkongsian Keuntungan dan Pengiraan	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)																									
	IAH (%)	Bank (%)																								
	2	98																								
<p>Formula: Baki Harian Pelaburan x Kadar Kasar (%) x PSR (%) x Bilangan Hari dalam Sebulan / 365</p> <p>Di mana:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kadar = kadar kasar pulangan tahunan ('R') ialah kadar di mana perkongsian keuntungan untuk pelaburan berasaskan Mudarabah sedang dibuat. Pulangan sebenar dibayar kepada IAH adalah berdasarkan PSR yang dipersetujui pada 'R' semasa. • Kadar pulangan kasar mungkin berubah pada setiap 16 haribulan. <p>Ilustrasi:</p> <table> <tr> <td>Tarikh Akaun Dibuka</td> <td>=</td> <td>1 Jun 2021</td> </tr> <tr> <td>Tarikh Bulan Berakhir</td> <td>=</td> <td>30 Jun 2021</td> </tr> <tr> <td>Bilangan Hari dalam Sebulan</td> <td>=</td> <td>30 hari</td> </tr> <tr> <td>Purata Baki Harian Bulan Ini</td> <td>=</td> <td>RM10,000 (andaian)</td> </tr> <tr> <td>Kadar Kasar</td> <td>=</td> <td>3%</td> </tr> <tr> <td>Nisbah Perkongsian Keuntungan</td> <td>=</td> <td>2:98</td> </tr> <tr> <td>Hasil Keuntungan</td> <td>=</td> <td>RM10,000 x 3% x 2% x 30/365</td> </tr> <tr> <td></td> <td>=</td> <td>RM0.49</td> </tr> </table> <p>Nota: Perkara di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Keuntungan dan caj mungkin berbeza-beza dan tertakluk kepada terma dan syarat Bank.</p>			Tarikh Akaun Dibuka	=	1 Jun 2021	Tarikh Bulan Berakhir	=	30 Jun 2021	Bilangan Hari dalam Sebulan	=	30 hari	Purata Baki Harian Bulan Ini	=	RM10,000 (andaian)	Kadar Kasar	=	3%	Nisbah Perkongsian Keuntungan	=	2:98	Hasil Keuntungan	=	RM10,000 x 3% x 2% x 30/365		=	RM0.49
Tarikh Akaun Dibuka	=	1 Jun 2021																								
Tarikh Bulan Berakhir	=	30 Jun 2021																								
Bilangan Hari dalam Sebulan	=	30 hari																								
Purata Baki Harian Bulan Ini	=	RM10,000 (andaian)																								
Kadar Kasar	=	3%																								
Nisbah Perkongsian Keuntungan	=	2:98																								
Hasil Keuntungan	=	RM10,000 x 3% x 2% x 30/365																								
	=	RM0.49																								
Kaedah Pembayaran Keuntungan	Keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun IAH pada hujung setiap bulan atau setelah penutupan akaun.																									
Terma dan Syarat Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Jika akaun digunakan untuk penawaran Kemudahan Aliran Tunai-i, keperluan baki minimum tidak terpakai dan baki sifar dibenarkan. • Terma Khas untuk penawaran Kemudahan Aliran Tunai-i boleh dirujuk di bawah. 																									
Terma Khas untuk Penawaran Kemudahan Aliran Tunai-i	<p>Jika akaun digunakan untuk penawaran Kemudahan Aliran Tunai-i, berikut adalah terma khas yang digariskan untuk produk ini:</p> <ol style="list-style-type: none"> Kontrak Mudarabah akan tamat apabila baki akaun adalah sifar; Apabila wujudnya baki yang ada dalam akaun, kontrak Mudarabah diaktifkan semula ketika penempatan wang dibuat; dan PSR yang telah dipersetujui bersama antara IAH dan Bank akan digunakan ke atas baki yang ada dalam akaun. <p>Nota: Jika anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Kemudahan Aliran Tunai-i, sila rujuk kepada Lembaran Maklumat Produk (PDS) bagi Kemudahan Aliran Tunai-i.</p>																									

5. Apakah hasil yang mungkin saya dapat daripada pelaburan saya?

IAH boleh mendapat manfaat daripada prestasi positif portfolio aset kewangan runcit bercagar akibat daripada peningkatan dalam keuntungan terakru yang diperolehi. IAH mungkin kehilangan mana-mana bahagian atau semua pelaburan di atas kes kegagalan prestasi portfolio pelaburan asas seperti yang diharapkan.

DANA AL-AWFAR 1 – ARAH ALIRAN PRESTASI LIMA (5) TAHUN DAHULU

Tahun	Saiz Dana (RM'000)	ROA (%)	ROI (%)
Dis 2016	1,516,843	6.39	0.13
Dis 2017	1,986,005	5.36	0.11
Dis 2018	2,413,645	5.08	0.11
Dis 2019	2,880,046	4.78	0.10
Dis 2020	4,446,643	3.74	0.06

Nota:

ROA – Pulangan ke atas Aset

ROI – Pulangan ke atas Pelaburan

Notis Penting: ROA adalah berdasarkan prestasi pelaburan masa lalu. Prestasi pelaburan masa lalu bukan petunjuk untuk prestasi masa depan.

6. Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

Bank akan mengenakan kawalan pengurusan risiko ke atas portfolio, undang-undang dan aktiviti operasi; termasuk peruntukan aset, pematuhan kecairan kepada objektif pelaburan dan parameter, penilaian, pemantauan prestasi dan lain-lain seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Akaun Pelaburan Bank Negara Malaysia (BNM). Walaupun demikian, pada masa-masa kesukaran dalam pasaran, Bank boleh menguruskan peruntukan aset untuk melindungi portfolio pelaburan dengan syarat pelaburan tersebut adalah dalam lingkungan objektif pelaburan dana.

Oleh itu, anda dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko dengan berhati-hati sebelum membuat keputusan pelaburan. IAH akan terdedah kepada risiko-risiko berikut:

- Risiko Pasaran:** merujuk kepada kemungkinan kesan pergerakan harga (contohnya kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang asing atau harga ekuiti, mana-mana berkenaan) pada nilai ekonomi sesuatu aset.
- Risiko Kredit:** merujuk kepada potensi di mana Bank gagal memenuhi tanggungjawabnya kepada IAH mengikut terma dan syarat yang dipersetujui.
- Risiko Kecairan:** merujuk kepada potensi kerugian ekoran risiko kecairan bagi IAH di mana pulangan akan lebih rendah dan kemungkinan hakisan atau kehilangan modal.
- Risiko Operasi:** merujuk kepada potensi kerugian akibat ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem atau faktor luaran.
- Risiko Perundangan:** IAH perlu memastikan bahawa, penyertaan dalam pelaburan ini tidak melanggar sebarang undang-undang, peraturan, kontrak atau apa-apa batasan undang-undang lain yang boleh dikenakan kepada pelabur. Pelaburan ini tertakluk kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan. Sekiranya berlaku apa-apa perubahan dalam undang-undang, peraturan atau garis panduan tersebut, Bank Islam mungkin diwajibkan untuk mengubah sebahagian atau kesemua terma dan syarat pelaburan, termasuk kemungkinan penamatan awal.
- Risiko Ketidakpatuhan Syariah:** merujuk kepada potensi kegagalan untuk memenuhi obligasi terhadap prinsip-prinsip Syariah, atau dalam erti kata lain, kemungkinan berlakunya insiden ketidakpatuhan Syariah.

7. Apakah yuran dan caj yang terlibat?

Jenis Caj	Caj	Kadar / Jumlah
Permohonan Penyata	Setiap halaman	RM5.00
Penutupan Awal Akaun	Dalam tempoh 3 bulan	RM20.00
Akaun Dorman	Dengan baki hingga RM5.00	Akaun akan ditutup dan baki ini akan diserap oleh Bank sebagai caj perkhidmatan.
Yuran-yuran dan Caj-caj Lain	Sila rujuk yuran-yuran dan caj-caj melalui laman sesawang Bank bagi setiap produk/perkhidmatan berkaitan.	

Nota: IAH bersetuju bahawa pihak Bank berhak untuk mengenakan bayaran bagi sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada IAH pada kadar yang ditetapkan oleh Bank (seperti yang diluluskan oleh BNM dan tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah) dan seperti yang dinyatakan di dalam PDS dan/atau laman sesawang Bank.

8. Apakah strategi penilaian yang digunakan, kekerapannya dan di manakah ianya diterbitkan?

Penilaian akan dibuat sekurang-kurangnya setiap bulan selaras dengan kriteria pengiktirafan dan pengukuran Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS). IAH boleh mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan akaun pelaburan melalui laman sesawang Bank Islam di www.bankislam.com.

9. Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut atau membuat aduan?

Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan
Bank Islam Malaysia Berhad**
Tingkat 17, Menara Bank Islam
No 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03 2690 0900
Faks: 03 2782 1337
E-mel: customercare@bankislam.com.my

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNM TELELINK di:

- (a) Melalui telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
- (b) Melalui faks : 03 2174 1515
- (c) Melalui e-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
- (d) Melalui surat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur

AMARAN:

PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET YANG DIPERUNTUKKAN. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN MENANGGUNG RISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN ATAU MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.

Nota:

- a. Maklumat yang terkandung di sini adalah tepat pada masa penerbitan dan tertakluk kepada perubahan mengikut kaedah, peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.
- b. Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah mulai 15 Januari 2022.

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....
Nama:
No. Kad Pengenalan:
Tarikh: